

## **SAJAK KIJANG YANG LELAH**

Isi ruangan kosong maksud rangkap dengan pilihan jawapan yang disediakan.

ketabahan	hutan	bermaharajalela	kesederhanaan
resah	rasional	perhatian	tua
tenteram	muda	tindakannya	nyaring

Rangkap 1 – Penyajak menyampaikan ceritera seekor kijang yang sebelum ini bersuara -

\_\_\_\_\_ kini hilang kegagahannya. Sebelum itu, kijang tersebut masih bertenaga apabila hidup di tengah-tengah \_\_\_\_\_. Namun kini, kijang itu tidak bertenaga lagi untuk \_\_\_\_\_ di hutan rimba kerana lemah tenaganya melalui kehidupan hari tua di dalam hutan yang malar hijau.

Rangkap 2 – Apabila mengenangkan nasibnya yang makin hari makin \_\_\_\_\_, kijang itu berasa sedih. Selain itu, kijang yang berasa lara di dalam hati itu mula berasa \_\_\_\_\_ sekiranya dia akan mati tidak lama lagi. Walau bagaimanapun, kijang itu tetap meneruskan sisa-sisa hidup tuanya dengan penuh harapan dan \_\_\_\_\_.

Rangkap 3 – Pada suatu hari, kijang tua itu cuba mempamerkan tenaganya sebagaimana waktu kijang itu \_\_\_\_\_ dulu. Kijang tua itu ingin mengisi sisa-sisa waktu yang ada dengan kerja yang bermanfaat walaupun berasa serik akan kepenatan yang dilaluinya pada usia tua. Namun begitu, kijang tua itu berasa bahawa hatinya tidak \_\_\_\_\_ pada setiap masa.

Rangkap 4 – Dalam usia yang sudah tua dan banyak pengalaman, kijang tua itu amat berhati-hati dalam setiap \_\_\_\_\_. Walaupun sedar bahawa kehadirannya di dalam hutan semakin tidak mendapat \_\_\_\_\_, kijang tua itu meneruskan perjalanan hidupnya. Di sebalik usia yang tua, kijang tua itu memiliki \_\_\_\_\_ dan tekad untuk meneruskan kehidupan dengan hemat dan \_\_\_\_\_ serta tidak takut akan sesiapa yang mencabarnya